

TARIKH	SELASA, 13 OGOS 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	KEMUDAHAN LOJI KUASA NUKLEAR ZAPORIZHZHIA TERBAKAR
M/S	30
BIDANG	NUCLEAR
KATA KUNCI	NUCLEAR

Konflik Russia-Ukraine

Kemudahan loji kuasa nuklear Zaporizhzhia terbakar



Tangkap layar rakaman video menunjukkan kebakaran di menara penyejuk loji kuasa nuklear Zaporizhzhia yang dikawal Russia di Energodar, selatan Ukraine. (Foto AFP)

Moscow: Infrastruktur Loji Kuasa Nuklear Zaporizhzhia (ZNPP) mengalami kerosakan serius buat kali pertama sejak serangan dan pengeboman oleh tentera Ukraine bermula, lapor *Xinhua*.

"Infrastruktur Loji Kuasa Nuklear Zaporizhzhia kali pertama mengalami kerosakan serius akibat serangan oleh Angkatan Tentera Ukraine," kata Pengarah Komunikasi ZNPP, Yevgenia Yashina dipetik Agensi Berita TASS Russia pada Ahad.

Beliau mendakwa Ukraine melancarkan serangan itu

menggunakan dron kamikaze.

Meskipun berlaku kerosakan dan kebakaran di kemudahan sistem penyejukan, Yashina berkata bahawa operasi loji itu tidak terjejas.

"Menara penyejuk digunakan untuk penyejukan tetapi pada masa ini, unit reaktor ditutup dan menara itu tidak digunakan. *Sprinkler pools* adalah mencukupi untuk tujuan penyejukan pada masa ini," katanya.

Terdahulu, gabenor wilayah Zaporizhzhia, Yevgeny Balitsky mendakwa bahawa sistem

penyejukan ZNPP terbakar akibat serangan Ukraine.

Beliau memberi jaminan bahawa kesemua enam unit reaktor di loji itu berada dalam keadaan tertutup.

Ketika pihak Russia menuduh Kyiv sengaja cuba memusnahkan loji berkenaan dan mencetuskan 'insiden nuklear,' pengendali tenaga nuklear milik kerajaan Ukraine, Energoatom mendakwa bahawa kecuaihan atau perbuatan khianat Russia mungkin menyebabkan kebakaran itu.

BERNAMA-XINHUA

DISEDIAKAN
OLEH

NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM